



USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SIDANG AKADEMIK 20/21

SEMESTER II

**PPK312 – PENDEKATAN PENGAJARAN PELAJAR BERMASALAH
PENDENGARAN**

**TUGASAN : SIMULASI PENGAJARAN BAHASA ISYARAT & RANCANGAN
PENGAJARAN HARIAN**



DISEDIAKAN OLEH :

NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

NOMBOR MATRIK : 148634

DISEDIAKAN UNTUK :

PM DR AZNAN CHE AHMAD

TARIKH PENGHANTARAN :

10 JUN 2021

Berikut merupakan pautan Google Drive bagi video simulasi pengajaran :

<https://drive.google.com/file/d/1i5DSF5vLab4LOt-AhhqqW9uBzW9cWJYa/view?usp=sharing>

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN KEMAHIRAN HIDUP

Masa : 9.30-10.00 **Mata Pelajaran** : Sains

Tahun : 3 Cikal **Bilangan Pelajar** : 6 orang

Aras Murid : Rendah

Tajuk Umum : Mengenal kelas makanan haiwan

Standard Kandungan : 3.1 Menyenaraikan jenis- jenis haiwan dan memberikan contoh

Objektif Am : 3.2 Mengenalpasti kelas makanan haiwan karnivor, herbivor dan omnivor

Objektif Khusus : Pada akhir pengajaran, murid dapat:

- a. Menyenaraikan jenis-jenis haiwan
- b. Menyatakan kelas makanan haiwan iaitu Karnivor, Herbivor dan Omnivor
- c. Mengelaskan haiwan mengikut kelas makanan dan memberikan contoh.

Penerapan Nilai : Kerjasama dan bersungguh-sungguh

Pengetahuan Sedia Ada : Murid dapat memahami arahan lisan

Bahan Bantu Mengajar : Aplikasi Google Meet, Gambar rajah

Rujukan Guru : KSSR tahun 3 Sains

MODEL KPPB : Model Reka Bentuk Pembelajaran Bermakna

| LANGKAH | ISI KANDUNGAN | AKTIVITI GURU | AKTIVITI MURID | CATATAN |
|---------------------------|--------------------------------------|---|---|---|
| Set Induksi (±5 minit) | | <p>1. Guru memainkan video lagu mengantuknya mumia (Didi & Friends) dan meminta murid ikut menyanyi sambil membuat gaya dalam bahasa isyarat.</p> | <p>1. Murid mengikut menyanyi bersama guru untuk menghilangkan rasa mengantuk. 2. Murid diminta menyanyi bersama guru sambil mengikut guru membuat gaya.</p> | <p>Strategi:</p> <p>1.Pendekatan berpusatkan bahan 2.Pendekatan berpusatkan murid</p> <p>Penerapan Nilai:</p> <p>1.Bersemangat/ motivasi 2. Berfikiran kreatif dan kritis 3.Fokus/memberi tumpuan 4. Menarik perhatian</p> |
| Langkah 1 (5 minit) | 3.1 Menyenaraikan jenis-jenis haiwan | <p>1.Guru memberi penerangan berkaitan tajuk yang akan dipelajari</p> <p>2.Guru memberi penerangan secara umum mengenai jenis-jenis haiwan yang ada</p> <p>3.Guru memberi contoh haiwan yang ada.</p> | <p>1.Murid memberi perhatian terhadap pembelajaran. 2.Murid menjawab haiwan yang mereka tahu dalam Bahasa isyarat. 3.Murid menyenaraikan beberapa haiwan yang mereka kenal.</p> | <p>Strategi :</p> <p>1.Pendekatan berpusatkan bahan 2.Pendekatan berpusatkan murid</p> <p>Kaedah :</p> <p>1.Soal jawab</p> <p>Kemahiran Mengajar:</p> <p>1.Kemahiran menerang</p> <p>BBM:</p> <p>1.Gambar rajah</p> <p>Penerapan Nilai :</p> |

| | | | | |
|-------------------------|--|---|--|--|
| | | | | <ol style="list-style-type: none"> 1. Hormat menghormati 2. Berkerjasama |
| Langkah 2 (5 menit) | 3.2 Menyatakan kelas makanan haiwan | <p>1.Guru menyatakan 3 kelas makanan haiwan iaitu karnivor, herbivor, omnivor.</p> <p>2.Guru bertanya kepada murid apakah jenis makanan yang dimakan oleh setiap kelas makanan tersebut.</p> <p>3.Guru menyuruh murid untuk mengeja dalam Bahasa isyarat karnivor, herbivor dan omnivor.</p> <p>4. Guru meminta murid menyebut sekurang-kurangnya satu jenis haiwan yang terdapat dalam setiap kelas makanan.</p> | <p>1.Murid mengenal pasti nama-nama haiwan yang terdapat pada setiap kelas makanan.</p> <p>2.Murid memberitahu jenis makanan yang dimakan oleh haiwan-haiwan tersebut.</p> <p>3.Murid menyebutkan nama haiwan mengikut kelas makanan.</p> <p>4.Murid mula faham tentang kelas makanan haiwan iaitu karnivor, herbivor dan omnivor.</p> | <p>Strategi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berpusatkan murid 2. Berpusatkan bahan <p>Kaedah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan <p>Kemahiran mengajar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran penyoalan 2. Kemahiran memberikan contoh <p>BBM:</p> <p>Gambar</p> <p>Penerapan nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berani mencuba 2. Kemahiran komunikasi |
| Langkah 3 (10 menit) | 3.3 Mengelaskan haiwan mengikut kelas makanan dan memberikan contoh. | <p>1.Guru menunjukkan gambar haiwan kepada murid. Haiwan yang pertama berada dalam kelas makanan karnivor, kedua</p> | <p>1.Murid melihat gambar haiwan yang ditunjukkan oleh guru.</p> | <p>Strategi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berpusatkan guru 2. Berpusatkan murid |

| | | | | |
|--|--|--|---|---|
| | | <p>herbivor, dan ketiga omnivor.</p> <p>2.Guru mengeja nama-nama haiwan yang terdapat pada kelas pertama, kedua dan ketiga.</p> <p>3.Guru memberikan contoh makanan setiap kelas makanan yang ada.</p> <p>4.Guru mengeja setiap haiwan yang terdapat pada gambar untuk memudahkan murid lebih faham.</p> <p>5.Guru meminta murid mengeja bersama-sama nama haiwan.</p> <p>6.Guru meminta murid memberikan contoh haiwan selain yang ada pada gambar.</p> <p>7.Guru menerangkan semula secara terperinci kelas makanan yang ada iaitu kelas pertama karnivor, kedua herbivor, ketiga omnivor.</p> | <p>2.Murid memerhati nama- nama haiwan yang dieja oleh guru..</p> <p>3.Murid mengeja bersama-sama guru nama haiwan yang terdapat pada gambar.</p> <p>4.Murid melihat contoh makanan yang dimakan oleh setiap kelas makanan iaitu daging untuk karnivor, tumbuhan untuk herbivor dan campuran untuk haiwan omnivore.</p> <p>5.Murid memberikan contoh-contoh haiwan lain yang terdapat pada kelas makanan trsebut.</p> <p>6.Murid mengeja bersama-sama guru nama haiwan yang terdapat pada gambar.</p> | <p>3. Berpusatkan bahan</p> <p>Kaedah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan <p>Kemahiran mengajar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran menggunakan bahan bantu mengajar. 2. Kemahiran menerang 3. Kemahiran memberikan contoh <p>BBM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar <p>Penerapan nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran komunikasi 2. Memberi tumpuan |
|--|--|--|---|---|

| | | | | |
|---------------------|--|---|--|--|
| | | 7.Guru meminta murid meneka haiwan ditunjukkan oleh guru. | | |
| Penutup (5minit) | | <p>1.Guru menerangkan semula dengan lebih terperinci berkaitan 3 kelas makanan haiwan yang telah dipelajari.</p> <p>2.Guru menyoal murid menggunakan gambar dan bertanyakan kelas makanan haiwan yang ditunjukkan.</p> <p>3.Guru memberikan jawapan yang betul terhadap gambar-gambar yang ditunjukkan.</p> <p>4.Guru membuat rumusan ringkas tentang pengajaran dan pembelajaran yang telah diajarkan.</p> | <p>1.Murid mendengar contoh-contoh yang disampaikan oleh guru.</p> <p>2.Murid-murid menjawab soalan yang diberikan oleh guru.</p> <p>3.Murid memahami apa yang diajarkan pada hari tersebut mengenai kelas makanan haiwan.</p> | <p>BBM :</p> <p>1. Gambar haiwan.</p> <p>Penerapan nilai:</p> <p>1. Kemahiran mengingat.</p> <p>2. Kemahiran berkomunikasi.</p> <p>3. Memberi tumpuan.</p> |